



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2016/08/69 (HQ)

### TNB ANJUR KEMPEN KEHIDUPAN LESTARI PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

Menyedari perlunya pendedahan terhadap penggunaan elektrik secara selamat, Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendekati orang awam melalui penganjuran Kempen Kehidupan Lestari Peringkat Negeri Terengganu pada hari ini yang dirasmikan oleh Ahli Parlimen Setiu, Y.B. Che Mohamad Zulkifly Jusoh.

Program ini dilaksanakan setiap tahun sejak 2008 dengan mensasarkan guru-guru dan murid-murid sekolah rendah sebagai peserta. Pada tahun 2013, kumpulan sasaran telah beralih sementara kepada peneroka Felda di seluruh Semenanjung atas perkembangan pesat sosio-ekonomi kumpulan itu.

Mulai tahun 2015, fokus sasaran beralih kembali kepada pelajar-pelajar sekolah. Buat julung kalinya, peserta yang terlibat kali ini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah dari tingkatan 4 dan 5. Pada hari ini, seramai 300 para pelajar dan guru pengiring dari 13 buah sekolah di bawah Pejabat Pendidikan Daerah Setiu, Terengganu dipilih hadir pada kempen ini.

Pengurus Besar (Kuala Lumpur, Utara & Timur) Jabatan Senggaraan Aset, Bahagian Penghantaran TNB, Ir. Haji Jeslee Mohamed dalam ucapan aluannya berkata, kempen ini melibatkan sesi ceramah, pameran keselamatan, dan acara-acara berkaitan kesedaran keselamatan elektrik. Perlaksanaan kempen ini adalah sebagai usaha jangka panjang TNB untuk membantu mengurangkan kadar kemalangan elektrik akibat kecuaian.

“Apa yang dilakukan TNB merupakan Tanggungjawab Korporat kepada masyarakat agar lebih peka terhadap penggunaan tenaga elektrik yang selamat sekali gus mengelakkan kecuaian yang boleh mengakibatkan kemalangan elektrik,” kata beliau.

**Dikeluarkan di Setiu, Terengganu pada 2 Ogos 2016**

*Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 atau Amiza Mohd Aris di talian 019-2136320  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*